

Jenis Akhbar : BH Online

Tarikh : 11/04/2023

Edisi / Muka Surat : <https://www.bharian.com.my/>

Tajuk : ANGKASA teruskan tradisi rai media pada program CoopCare Rahmah Ramadan

## ANGKASA teruskan tradisi rai media pada program CoopCare Rahmah Ramadan



Ahmad Zaini (tiga dari kiri) bersama Abdul Fattah (empat dari kanan) pada majlis lawatan dan penyerahan pek juadah berbuka puasa untuk kakitangan NSTP di Balai Berita hari ini. NSTP/ROHANIS SHUKRI

KUALA LUMPUR: Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) mengakui tanpa hebahan tepat media, orang awam kurang mengetahui mengenai peranan dan tanggungjawab pertubuhan itu.

Presidennya, Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah, berkata pihak media banyak menyokong ANGKASA dalam menyebarkan sumbangan gerakan koperasi kepada sosioekonomi negara.

Katanya, ANGKASA adalah satu badan apeks gerakan koperasi negara yang menaungi 15,315 koperasi dengan 7.3 juta keanggotaan.

"Media Kumpulan The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP) antara yang banyak memberikan komitmen tinggi dalam melaksanakan tanggungjawab menyampaikan berita terbaik kepada rakyat Malaysia membabitkan aktiviti dan peranan gerakan koperasi."

"Susulan itu, ANGKASA juga komited meneruskan tradisi tahunan dengan meraikan petugas media sepanjang Ramadan menerusi penyerahan sumbangan CoopCare Rahmah Ramadan ANGKASA kepada petugas media NSTP merangkumi Berita Harian, New Straits Times dan Harian Metro," katanya ketika penyerahan juadah berbuka puasa, di sini, hari ini.

Sebanyak 350 pak juadah berbuka puasa disampaikan ANGKASA kepada Pengarang Urusan Kumpulan NSTP merangkap Pengarang Kumpulan Berita Harian, Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Wilayah Persekutuan, Sharifah Aminah Syed Mohssain, Bendahari Koperasi NSTP, Fazleesham Mohd Yunus, Pengurus Besar Bahagian Komunikasi Korporat merangkap Pegawai Khas Presiden ANGKASA, Halim Ibrahim dan Pengurus Besar, Jualan dan Komunikasi Pemasaran NSTP, Ridzuan Ramly.

Abdul Fattah berkata, selain sumbangan Ramadan ANGKASA kepada petugas media yang dilakukan sejak 2012, ANGKASA juga menganjurkan program sumbangan CSR CoopCare Sepakat Aidilfitri ANGKASA untuk menyantuni anggota koperasi, golongan asnaf, orang kurang upaya (OKU), B40 dan petugas barisan hadapan menerusi sumbangan barang keperluan harian di bawah Projek Barang Asas 100 (BA100).

"Sepanjang Ramadan ini, hampir 2,000 pak makanan diagihkan kepada petugas media membabitkan lima agensi media massa menerusi CoopCare Rahmah Ramadan ANGKASA," katanya.